

# Najib yakin penyokong bersamanya

Utm - 29/7/2020 m/s: 6

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Najib Tun Razak yakin keputusan yang dibuat Mahkamah Tinggi hari ini tidak akan memberi kesan kepada karier politiknya atau melunturkan sokongan para penyokong.

Beliau berkata, ini kerana dirinya masih berpeluang untuk membersihkan nama daripada kesemua sabitan itu di Mahkamah Rayuan.

Tegasnya, meskipun telah disabitkan, ia tidak bermakna apa yang berlaku hari ini adalah suatu pengakhiran.

“Keputusan ini bukan bermakna pengakhiran dunia kerana masih ada proses rayuan.

“Kami berharap akan berjaya dalam proses ini. Usaha akan diteruskan dan kepada semua penyokong saya harap mereka akan terus mempercayai saya,” kata-



**Tak tahu (apa yang akan diputuskan UMNO) tapi saya ini orang parti, jadi saya akan patuh kepada keputusan parti.”**

**NAJIB TUN RAZAK**

nya ketika sidang akhbar di pekarangan lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur hari ini.

Mahkamah Tinggi hari ini menjatuhkan hukuman penjara keseluruhan 72 tahun dan denda RM210 juta ke atas Najib selepas didapati bersalah

terhadap tujuh pertuduhan membabitkan perbuatan pecah amanah, rasuah dan salah guna kuasa.

Bagaimanapun beliau hanya perlu menjalani hukuman penjara 12 tahun sahaja kerana hukuman berjalan serentak.

Najib berkata, beliau bersedia berdepan sebarang keputusan yang bakal diputuskan UMNO susulan keputusan mahkamah itu.

Bekas Perdana Menteri itu menyifatkan pendirian itu selari prinsip yang diamalkan dirinya dan sifat itu juga sebahagian daripada tanda kesetiaan terhadap parti.

“Tak tahu (apa yang akan diputuskan UMNO) tapi saya ini orang parti, jadi saya akan patuh kepada keputusan parti,” jelasnya.



**NAJIB Tun Razak bercakap kepada pemberita selepas disabitkan bersalah dalam kes pecah amanah, salah guna kuasa dan penggubahan wang haram dana SRC International bernilai RM42 juta di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.**